

**Najib tidak terlibat langsung kes Altantuya - Tun Abdullah  
Astro Awani  
April 10, 2015**

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tidak terlibat langsung dalam kes Altantuya Shaariibuu, kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Dalam satu kenyataan, Abdullah berkata hasil siasatan rapi dan terperinci Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu semasa beliau menjadi perdana menteri, mengesahkan Najib tidak terlibat langsung dalam kes itu.

"Antara perkara yang dilaporkan kepada saya semasa saya menjawat jawatan Perdana Menteri adalah hasil siasatan kes pembunuhan rakyat Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

"Hasil siasatan rapi dan terperinci yang dibuat oleh PDRM dalam kes yang disampaikan kepada saya pada waktu itu mengesahkan bahawa Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak tidak terlibat langsung dalam kes tersebut."

Kenyataan dua perenggan itu dikeluarkan pejabat Abdullah di Putrajaya.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/najib-tidak-terlibat-langsung-kes-altantuya-tun-abdullah-57551>